

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 05/08/2018

Edisi / Muka Surat : Nasional / 14

Tajuk : Angkasa Bantu Perkenal Koperasi Sekolah Di 105 Negara

## Angkasa bantu perkenal koperasi sekolah di 105 negara

**KUALA LUMPUR 4 Ogos** - Mesyuarat Lembaga Ikatan Koperasi Antarabangsa (ICA) 2018 telah meminta Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) untuk mempromosikan dan membantu 105 negara anggota ICA mengenai konsep koperasi sekolah.

Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, Malaysia merupakan salah sebuah negara yang mengamalkan konsep koperasi sekolah yang kemas dan teratur berbanding negara-negara anggota ICA yang lain.

“Pihak Angkasa sedang membuat persiapan dan perediaan untuk mengajar negara-negara anggota ICA mengenai konsep ini dan kami sedang menunggu panggilan daripada negara-negara ini.

“Kemajuan dan penguatan koperasi ini disebabkan oleh sokongan dari kerajaan dalam pembangunan koperasi di negara ini,” katanya ketika ditemui pemberita di SMK Wangsa Maju Seksyen 2 di sini, hari ini.

Statistik tahun 2017 menunjukkan sebanyak 2,395 buah koperasi sekolah diwujudkan dengan keanggotaan seramai 1.8 juta orang dan jumlah aset sebanyak RM344.889 juta dengan perolehan sebanyak RM382.941 juta.

Abdul Fattah turut berkata, tujuan mewujudkan koperasi sekolah adalah untuk melahirkan ahli-ahli koperasi pada masa hadapan sesuai dengan sasaran kerajaan dalam dasar koperasi pada tahun 2020.